

## Naib Canselor Jayakan Program Jom Sahur UMSKAL

Terakhir dikemaskini: Jumaat, 24 Mei 2019 10:53 | [Cetak](#) | Jumlah paparan: 384

[Syorkan 0](#)

[Kongsi](#)

[Tweet](#)

[Share](#)



**JUMAAT, 24 MEI** – Program Jom Sahur peringkat Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) 1440 Hijrah lebih ceria dengan kehadiran Naib Canselor UMS, Prof. Datuk Dr. D Kamarudin D Mudin.

Beliau yang diiringi Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Prof. Dr. Ismail Ali bukan sahaja bersahur bersama pelajar tetapi lebih menarik beliau sendiri yang mengagihkan kira-kira 500 paket nasi, buah-buahan dan kurma kepada pelajar yang hadir.

Sejurus tiba kira-kira pukul 1.00 pagi, Dr. Kamarudin bersama Dr. Ismail dan Ketua Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni UMS, Kamisah Husin terus mengedarkan makanan kepada pelajar di meja makan masing-masing.

Dalam ucapan ringkasnya, Dr. Kamarudin nyata gembira kerana dapat bersahur bersama pelajar yang terdiri daripada pelbagai lapisan bangsa dan agama.

Beliau berharap program Jom Sahur anjuran Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni UMS itu dapat diteruskan bukan sahaja untuk bersahur bersama pelajar tetapi juga merupakan ruang dan peluang pengurusan UMS dan UMSKAL beramah mesra dengan pelajar di UMS Labuan.

“Inilah antara program yang wajar diteruskan kerana pihak pengurusan UMS dapat beramah mesra dengan pelajar di UMS Labuan.

“Saya ucapkan tahniah dan terima kasih kepada Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni UMS dengan kerjasama Sektor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni UMSKAL dan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) UMSKAL yang mengambil inisiatif mengadakan program tersebut,” katanya berucap pada majlis tersebut di Kafetaria Beta UMSKAL, baru-baru ini.

Ketika ditemui pemberita, Dr. Kamarudin mahu pelajar memberikan tumpuan dan fokus utama kepada pembelajaran daripada terlibat dengan aktiviti yang tidak mendatangkan manfaat kepada mereka.

Pada masa sama, beliau mahu pelajar sentiasa mematuhi peraturan dan undang-undang yang telah ditetapkan oleh universiti dari semasa ke semasa.

“Saya juga mahu pelajar sentiasa mengamalkan nilai-nilai murni termasuk hormat menghormati sesama mereka dan warga UMS Labuan secara keseluruhannya.

“Menerusi program Jom Sahur ini juga dapat memupuk keharmonian dalam kalangan pelajar yang berbilang kaum dan agama,” katanya.

Di samping itu, Dr. Kamarudin akan mengadakan lawatan dan pertemuan dengan kepimpinan pelajar UMS Labuan untuk menangani masalah yang mereka hadapi.

“Bagaimanapun saya dapat beberapa masalah dapat ditangani hasil kebijaksanaan Jabatan Hal Ehwal Pelajar yang dibantu pengurusan UMSKAL dan MPP UMSKAL,” katanya.

Turut hadir Ketua Sektor Hal Ehwal Pelajar UMSKAL, Nur Iman Reedzal.

Sumber: Azri Onn